



Lemparan berdarah

Norizuan Shamsuddin
dan Fardy Bungga
am@hmetro.com.my

■ Mayat janin 6 bulan dicampak dari tingkat atas kondominium mewah

Petaling Jaya

Bersepai. Itu keadaan mayat janin bayi perempuan yang dicampak dari tingkat atas sebuah kondominium mewah di Taman Dato' Hormat, di sini, semalam, dipercayai selepas si ibu mengugurkan kandungannya.

Lebih meruntun hati, janin baru lahir dianggarkan berusia lingkungan enam bulan itu ditemui berlumuran darah dalam keadaan menyayat hati tertiarap di atas lantai di tingkat bawah bangunan berkenaan jam 7 pagi oleh penghuni kondominium.

Janin hampir cukup sifat

dan masih bersambung dengan uri itu dipercayai dimasukkan ke dalam beg plastik sebaik dilahirkan sebelum dibuang dari satu tingkat di bangunan setinggi 26 tingkat berkenaan.

Pengawal keselamatan yang enggan dikenali berkata, janin terbabit ditemui penghuni kondominium itu sebelum memaklumkan kepada pihak pengawal keselamatan bangunan.

Katanya, sebaik dimaklumkan dia segera ke tempat janin itu ditemui sebelum menghubungi polis untuk mendapatkan bantuan segera.

"Ketika itu saya berada berdekatan pondok pengawal dan bergegas ke lokasi untuk melihat janin dalam

keadaan berlumuran darah serta tidak menunjukkan sebarang tanda masih hidup," katanya ketika dihubungi wartawan Harian Metro, semalam.

Menurutnya, dia yang baru dua bulan bekerja sebagai pengawal keselamatan di kondominium berkenaan bertugas syif tengah malam sehingga awal pagi.

"Sepanjang bertugas, saya tidak dengar apa-apa yang pelik. Tetapi saya percaya, bayi itu dibuang dari tingkat atas bangunan itu namun tidak pasti tingkat berapa," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din ketika dihubungi mengesahkan penemuan mayat bayi terbabit.

"Mayat dihantar ke Pusat

Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk dibedah siasat," katanya.

Jelasnya, siasatan dilakukan bagi mengenal pasti individu melakukan perbuatan jenayah terbabit.

Horizon Metro
816117
m15-4



JANIN bayi yang dicampak dari kondominium mewah di Taman Dato' Hormat, semalam.